

Berjaya harum *nama sekolah*

Dua murid SRA Bandar Seri Putra bawa pulang pingat perak, gangsa dalam 1st Pencak Silat Invitational Games 2017

SEPANG - Dua murid Sekolah Rendah Agama (SRA) Bandar Seri Putra berjaya mengharumkan nama sekolah dalam kejohanan 1st Pencak Silat Invitational Games 2017 di Singapura pada 29 dan 30 April lalu.

Guru Penasihat Kelab Pesilat Cilik sekolah berkenaan, Saidatul Mardiah Idris berkata, Irdina Zulaika Muhamad Yusuf, 10, dan Muhammad Faris Irfan Mohd Farhan, 11, yang merupakan ahli Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia sekolah itu masing-masing berjaya membawa pulang pingat perak dan gangsa.

"Mereka telah harumkan nama SRA Bandar Seri Putra di persada antarabangsa dan pihak sekolah harap semoga mereka terus berusaha tingkatkan lagi pencapaian pada masa akan datang."

"Saya nampak mereka mampu jadi contoh dan ikon kepada murid-murid lain di sini kerana keseimbangan mereka dalam bidang pendidikan dan sukan."



Irdina Zulaika (dua, kanan) dan Muhammad Faris (kiri) bersama murid dari sekolah lain yang berjaya bawa pulang pingat dalam Kejohanan 1st Pencak Silat Invitational Games 2017 di Singapura.

keseimbangan mereka dalam bidang pendidikan dan sukan," katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, Guru Penolong Kanan 1, Azhari Sulaiman yang

turut mengulas kejayaan itu bersyukur kerana sekolah berkenaan sudah mula dikenali berdasarkan pencapaian cemerlang di dalam bidang kurikulum.

"Usaha ini akan kami teruskan dalam melahirkan murid yang proaktif dalam kedua-dua bidang."

"SRA Bandar Seri Putra kini mempunyai lima kelab yang

Saya nampak mereka mampu jadi contoh dan ikon kepada murid-murid lain di sini kerana keseimbangan mereka dalam bidang pendidikan dan sukan."

- Saidatul Mardiah

berdaftar.

"Penyertaannya juga melibatkan murid darjah satu hingga enam yang berminat dalam setiap kelab tersebut termasuklah Kelab Pesilat Cilik, Kelab Kompong, Kelab Memanah Mumtaz, Kelab Futsal / Syoknya Bola, Kelab 3K dan Kelab Skim Pinjaman Buku Teks SRA Bandar Seri Putra," katanya.

Mahu pengunjung manfaat kemudahan



Hasnul menyampaikan sumbangan kepada mangsa pokok tumbang di Kampung Tongkah sempena program Ziarah Prihatin.

MORIB - Pantai Morib kini mempunyai pelbagai kemudahan yang telah dinaik taraf untuk pengunjung dan kini lokasi berkenaan sesuai untuk pengajuran pelbagai program.

Adun Morib, Hasnul Baharudin berkata, beliau bangga apabila Kuala Langat terutama di Dun Morib mempunyai beberapa lokasi pantai yang sentiasa menjadi tumpuan pengunjung sama ada dari dalam maupun luar negara.

Menurutnya, lebih membanggakan daerah ini telah berjaya mendapat tempat pertama bagi tiga tahun berturut-turut dalam Anugerah Pantai Angkat Negeri Selangor hasil usaha komuniti setempat di Pantai Kelanang selepas kejayaan Pantai Cunang di Tanjung Sepat dan Pantai Batu Laut pada 2014.

"Saya harap pengunjung dapat manfaatkan segala kemudahan infrastruktur yang disediakan PBT dan kerajaan negeri.

"Paling penting pengunjung juga perlu sama-sama jaga keindahan dan berusaha kekalkan kelestarian alam sekitar seperti kemping yang sedang dijalankan kerajaan negeri untuk

kurangkan penggunaan beg plastik dan polistirena yang banyak menyumbang kepada masalah sisa domestik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kepada mangsa pokok tumbang di Kampung Tongkah sempena program Ziarah Prihatin di sini.

Hasnul turut mengulas mengenai pengajuran program Retromania di Morib di mana beliau mahu program itu diteruskan pada masa akan datang.

Katanya, pengajuran program seumpama itu sebenarnya berjaya menghimpuun ribuan masyarakat.

"Saya harap, PBT, pengurus perwakilan penduduk, penggerak belia tempatan, para jabatan dan agensi di daerah ini akan terus jadikan pantai Morib dan daerah ini sebagai lokasi pengajuran pelbagai aktiviti."

"La bertujuan beri impak positif kepada masyarakat selain bantu mengembangkan sosio-ekonomi industri pelancongan sekali gus memperkenalkan kawasan menarik kepada pelancong dan pengunjung," katanya.

DUA AKHBAR bergabung dalam Satu Langganan

Gabungan akhbar **Sinar Harian** dan **The Star** versi digital dalam satu paket langganan. Lebih berita, lebih pengijianan.

Untuk PEMBELIAN PAKEJ INI, SILA MUAT TURUN APLIKASI SINAR DIGITAL

DUA LANGGANAN AKHBAR DIGITAL PADA HARGA RM1.99

Selama setahun

Untuk Permoratorium, sila hubungi: email.karangkraf.com • 03-5101 7480 • support.email@karangkraf.com